



SIARAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

**PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT BERJEMAAH PADA SETIAP
SOLAT FARDU DI MASJID DAN SURAU
SERTA AKTIVITI KEAGAMAAN SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
MULAI 17 NOVEMBER 2020
DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah menimbangkan sembah nasihat daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak serta Jabatan Agama Islam Perak dan mengambilkira pandangan dan maklumbalas terkini daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dengan ini menzahirkan titah perkenan berikut:

1. Zon Merah

1.1 Solat Jumaat dan Solat Fardu Lima Waktu

- 1.1.1 **Solat Jumaat ditangguhkan** dan digantikan dengan solat Zohor di rumah masing-masing.
- 1.1.2 Solat berjemaah pada setiap solat fardu hanya boleh dilaksanakan oleh **6 orang** jemaah yang terdiri dari kalangan pegawai masjid dan ahli Jawatankuasa Kariah.
- 1.1.3 Laungan azan solat fardu lima waktu hendaklah diteruskan seperti biasa dan pengumuman selepas azan hendaklah dibuat seperti berikut:

“Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, azan sebentar tadi telah menandakan masuknya waktu solat fardu Sehubungan itu, para ahli kariah disarankan untuk mendirikan solat berjemaah bersama ahli keluarga masing-masing di rumah”.

1.2 Aktiviti Keagamaan

- 1.2.1 Semua aktiviti keagamaan seperti ceramah, kuliah pengajian antara Maghrib dan Isyak serta selepas solat Subuh, kuliah Dhuha, bacaan Yaasin, tahlil doa selamat dan sebagainya ditangguhkan.

2. Zon Kuning dan Zon Hijau

2.1 Solat Jumaat

- 2.1.1 **Solat Jumaat dibenarkan.** Bilangan ahli Jumaat (أهل الجمعة) yang dibenarkan mendirikan solat Jumaat di masjid dan surau diri Jumaat ialah berasaskan had kapasiti **keluasan sebenar ruang utama dewan solat** dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menetapkan jarak **satu meter** di antara jemaah.
- 2.1.2 Kehadiran menunaikan solat Jumaat, pada masa ini hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat hendaklah disemak dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat.

2.2 Solat Fardu Lima Waktu

- 2.2.1 **Solat berjemaah pada setiap solat fardu dibenarkan.** Bilangan ahli jemaah yang dibenarkan mendirikan solat berjemaah pada setiap solat fardu di masjid, surau diri Jumaat dan surau ialah berasaskan had **kapasiti keluasan sebenar ruang utama dewan solat** dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menetapkan jarak **satu meter** di antara jemaah.
- 2.2.2 Ahli jemaah yang dibenarkan hadir untuk bersolat jemaah, pada masa ini hanyalah dalam kalangan warganegara Malaysia. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat jemaah hendaklah disemak dan direkod sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat

2.3 Aktiviti Keagamaan

2.3.1 Semua aktiviti keagamaan seperti ceramah, kuliah pengajian antara Maghrib dan Isyak serta selepas solat Subuh, kuliah Dhuha, bacaan Yaasin, tahlil doa selamat dan sebagainya dibenarkan.

3. Pelaksanaan solat fardu lima waktu yang dilaksanakan secara berjemaah dan aktiviti keagamaan di seluruh masjid, surau diri Jumaat dan surau dalam negeri Perak **juga dibuka kepada muslimah** di ruang khas yang disediakan.
4. Penggunaan masjid, surau diri Jumaat dan surau untuk ibadah solat dan aktiviti keagamaan hendaklah mematuhi sepenuhnya garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM.
5. Jawatankuasa Kariah atau pegawai masjid hendaklah memberikan peringatan dan penerangan ringkas kepada jemaah untuk mematuhi garis panduan sebelum solat Jumaat, solat berjemaah pada setiap solat fardu dan aktiviti keagamaan dimulakan.
6. Jabatan Agama Islam Perak akan mengemaskini **status zon** di negeri Perak dari semasa ke semasa berdasarkan ketetapan oleh MKN dan KKM serta selanjutnya mengeluarkan satu garis panduan dan kaedah pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Kariah masjid dan surau di negeri Perak dan selanjutnya menyelia dan memastikan garis panduan tersebut dipatuhi.

Arahan dan ketetapan ini hendaklah terpakai dan berkuat kuasa serta-merta sehingga dikeluarkan apa-apa arahan baharu daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.



(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
1 Rabiulakhir 1442H / 17 November 2020